

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HASBULLAH BIN MOHD RIDZWAN  
(N17 GOMBAK SETIA)**

**TAJUK : STATUS TANAH BUMI HIJAU GOMBAK**

141. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah keputusan Kerajaan Negeri berhubung status tanah Kerajaan Negeri di bumi hijau Gombak?

**JAWAPAN:**

- a) Tanah Bumi Hijau terletak di dalam Mukim Setapak Daerah Gombak seluas 119.7 Hektar. MMKN 31/2016 yang diadakan pada 21.9.2016 dan telah disahkan melalui MMKN 32/2016 telah meluluskan secara perizaban di bawah seksyen 62 Kanun Tanah Negara di kawasan Bumi Hijau dan Desa Angkasa sebagai kawasan pertanian dengan melantik Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor sebagai pegawai pengawal. Walau bagaimanapun proses pewartaan masih belum dapat dibuat kerana masih menunggu keputusan kerajaan negeri berhubung pelantikan pegawai penyelenggara,

Proses pewartaan akan diteruskan selepas pegawai penyelenggara ditentukan dan pelan akui dan no lot terkini diperoleh dari JUPEM.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD  
(N11 IJOK)**

**TAJUK : PENGGUNA PERKHIDMATAN BAS SELANGORKU**

142. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Dalam perancangan khidmat bas ini, kenapa tidak mengambil kira Bestari Jaya dan Pekan Ijok? Harap beri penjelasan.

**JAWAPAN:**

- a) Perancangan laluan perkhidmatan Bas Smart Selangor dibuat melalui Jawatankuasa Tetap Pengangkutan Negeri Selangor berdasarkan cadangan laluan oleh Pihak Berkuasa Tempatan. Pemilihan laluan adalah berdasarkan kriteria yang ditetapkan iaitu :
- (a) Menepati struktur *Bus Network Revamp* (BNR) oleh SPAD iaitu tidak bertindih dengan laluan operator perkhidmatan bas sedia ada;
  - (b) Perlu mengutamakan laluan kawasan-kawasan tumpuan pembangunan, perumahan padat dan jalan yang tidak dilalui oleh perkhidmatan bas lain;
  - (c) Lokasi bagi laluan bas percuma ini adalah di kawasan tumpuan kemudahan awam seperti pusat kesihatan, pejabat kerajaan, sekolah, stesen komuter, stesen LRT dan sebagainya serta kawasan komersil dan kompleks perniagaan; dan
  - (d) *Connectivity* dengan sistem pengangkutan yang lain seperti stesen komuter atau stesen LRT/MRT/BRT/ERL.

Bagi laluan Bestari Jaya dan Ijok, Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS) telah membentangkan dua (2) cadangan iaitu laluan UNISEL Bestari Jaya – Ijok – Puncak Alam sepanjang 20 Kilometer pada tahun 2016 dan laluan Stesen Bas dan Teksi Kuala Selangor – Hentian Bas dan Teksi Bestari Jaya – UNISEL Bestari Jaya sepanjang 35 kilometer pada tahun 2017. Walau bagaimanapun, kedua-dua laluan ini mempunyai pertindihan laluan dengan operator sedia ada iaitu The Selangor Omnibus, Wawasan Sutera dan RapidKL sekali gus tidak menepati kriteria laluan yang ditetapkan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI  
(N03 SUNGAI PANJANG)**

**TAJUK : AKHBAR SELANGOR KINI**

143. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah perbelanjaan bagi membiayai akhbar Selangor Kini dari 2014-2017?
- b) Senarai secara terperinci syarikat yang menaja akhbar Selangor Kini sekiranya ada?

**JAWAPAN:**

a)

<b>Perkara</b>	<b>2014 (RM juta)</b>	<b>2015 (RM juta)</b>	<b>2016 (RM juta)</b>	<b>2017 Setakat September (RM juta)</b>
Kos penerbitan dan pengedaran akhbar Selangorkini	5.34	5.81	8.15	6.39

b) Tiada

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN  
(N34 BUKIT GASING)**

**TAJUK : TINDAKAN PENGUATKUASAAN NO 18, JALAN UNIVERSITI,  
PETALING JAYA**

144. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah kronologi tindakan kerajaan terhadap kedai Perodua yang beroperasi tanpa lesen di No. 18, Jalan Universiti?
- b) Mengapakah tindakan tidak dapat diambil untuk menyita barang perniagaan secara berkala?

**JAWAPAN:**

- a) Majlis Bandaraya Petaling Jaya akan menjalankan tindakan penguatkuasaan secara bersepadu yang melibatkan aspek perlesenan,bangunan,perancangan serta perundangan ke atas premis berkenaan.

Berikut merupakan statistik tindakan penguatkuasaan yang telah dijalankan oleh Majlis di bawah Undang-undang Kecil Perlesenan Trred, Perniagaan dan Perindustrian MBPJ 2007 dan Undang-undang Kecil Iklan MBPJ 2007 ke atas aktiviti perniagaan tanpa lesen tersebut.

Jenis Tindakan	Jumlah
Kompaun	12
<b>JUMLAH TINDAKAN</b>	<b>12</b>

- b) Undang-undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan & Perindustrian 2007 hanya memberi kuasa kepada PBT untuk menyita premis-premis yang berlesen sahaja. Walau bagaimanapun tindakan penguatkuasaan masih boleh dibuat dengan meneruskan tindakan pendakwaan ke Mahkamah.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL  
(N29 SERI SERDANG)**

**TAJUK : TINDAKAN KERAJAAN DALAM MEMBERI PELUANG KEPADA  
PELAJAR-PELAJAR TAHFIZ PERSENDIRIAN MENGAMBIL  
PEPERIKSAAN**

145. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah tindakan kerajaan dalam memberi peluang kepada pelajar-pelajar tahfiz persendirian mengambil peperiksaan SPM?

**JAWAPAN:**

- a) Soalan ini dijawab bersekali dengan soalan Pemerkasaan Sekolah Tahfiz di Selangor daripada Dengkil. (Soalan No. 44)

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL  
(N41 BATU TIGA)**

**TAJUK : PEKERJA ASING DI SEKTOR PERKILANGAN**

146. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Majoriti pekerja sektor perkilangan terdiri daripada pekerja asing berbanding rakyat tempatan. Apakah dasar Kerajaan Negeri Selangor berhubung perkara ini dalam sektor perkilangan?
- b) Berapakah nisbah terkini pekerja tempatan berbanding pekerja asing?
- c) Apakah inisiatif Kerajaan Negeri Selangor kepada pengusaha kilang yang meminimakan pekerja asing ini?

**JAWAPAN:**

- a) Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Dasar Buruh Negara adalah di bawah tanggung jawab Kerajaan Persekutuan. Kerajaan Negeri Selangor tidak mempunyai dasar khusus berkenaan tenaga kerja warga asing di Selangor. Dasar berkenaan warga kerja asing hanya ada di peringkat Kerajaan Persekutuan, di bawah Kementerian Dalam Negeri dan diguna pakai di semua negeri di Malaysia. Proses kelulusan dan pengawalan kemasukan warga kerja asing hanya dilaksanakan oleh agensi-agensi Persekutuan di bawah Kementerian Dalam Negeri.

Walaupun secara dasarnya Kerajaan mengawal kemasukan warga kerja asing ke Selangor, namun begitu khidmat tenaga kerja asing ini amat diperlukan oleh sektor perindustrian bagi menampung kekurangan tenaga kerja tempatan.

**(Sumber : Jabatan Tenaga Kerja Negeri Selangor)**

- b) Berdasarkan maklumat dari Jabatan Perangkaan Malaysia melaporkan jumlah pekerja tempatan sehingga Ogos 2017 adalah seramai 14,513,400 orang dan maklumat dari Jabatan Imigresen Malaysia melaporkan jumlah pekerja asing adalah seramai 1,732,944. Nisbah adalah bersamaan 8 pekerja tempatan : 1 pekerja asing.

**(Sumber : Jabatan Tenaga Kerja Negeri Selangor)**

- c) Antara inisiatif yang diambil oleh pihak Kerajaan Negeri untuk mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing adalah dengan memberi tumpuan

kepada industri berasaskan teknologi tinggi dan automasi. Antara industri-industri tumpuan pihak Kerajaan Negeri adalah seperti; -

- a. *Life Sciences (Pharmaceuticals, Bio-Technology, Medical Devices, Specialty Chemical etc.)*
- b. *Electrical & Electronics (Solar, etc)*
- c. *Machinery & Equipment*
- d. *Food & Beverages Manufacturing (Halal Products, etc)*
- e. *Transport Equipment (Aero Space, Automotive)*

Selain itu, Kerajaan Negeri juga menggalakkan pengusaha industri di Selangor untuk mengadaptasi Industri 4.0 dalam proses pengeluaran mereka. Dengan penggunaan automasi dalam sistem pengeluaran, keperluan sumber tenaga kerja kurang mahir dapat dikurangkan dan pihak syarikat lebih berdaya asing.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB  
(N18 HULU KELANG)**

**TAJUK : MANFAAT PROGRAM RANGSANGAN KERJAYA RAKYAT SELANGOR (RKRS)**

147. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah langkah kerajaan untuk melebarkan lagi manfaat daripada program Rangsangan Kerjaya Rakyat Selangor (RKRS) kepada lebih ramai penerima manfaat?

**JAWAPAN:**

- a) Program jalinan kerjasama di antara Perangsang Selangor selaku pengajur program Rangsangan Kerjaya Rakyat Selangor (RKRS) bersama Yayasan Hijrah Selangor iaitu Program Pembangunan Usahawan ("Zero to Hero") telah membantu memberi peluang kepada peserta-peserta RKRS yang terdiri daripada anak-anak Selangor untuk menjadi usahawan.

Mengambil kira kekangan modal yang dihadapi oleh bekas peserta kursus berikutan keadaan ekonomi semasa, program kerjasama ini dilihat mampu memberi impak yang positif kepada pembangunan usahawan di negeri ini di mana bakal-bakal usahawan terlebih dahulu dipilih untuk mempersiapkan kemahiran Teknikal usahawan dan Insaniah *Softskills* di bawah program RKRS tajaan Perangsang Selangor sebelum mereka dibantu dengan suntikan pinjaman modal mikrokredit daripada Yayasan Hijrah Selangor untuk memulakan perniagaan.

Bagi tahun 2016, seramai 120 peserta telah dibantu melalui pakej bantuan latihan kemahiran usahawan RKRS dan tawaran pinjaman mikrokredit daripada Hijrah Selangor. 75% daripada peserta tersebut berjaya membuka perniagaan sendiri. Manakala pada tahun 2017, seramai 180 peserta telah dipilih menyertai kursus RKRS seterusnya menerima tawaran pinjaman mikrokredit daripada Hijrah Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG  
(N06 KUALA KUBU BAHRU)**

**TAJUK : WABAK DENGGI**

148. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan kes denggi dan kematian pada tahun 2017 berbanding dengan tahun 2016 mengikut daerah.
- b) Apakah tindakan-tindakan yang diambil oleh Kerajaan Negeri sekiranya terdapat pemaju yang membina struktur seperti SPAH yang boleh menjadi tempat pembiakan nyamuk Aedes?

**JAWAPAN:**

- a) Laporan Situasi Denggi di Negeri Selangor secara kumulatif bagi tahun 2017 sehingga 21 Oktober 2017 telah merekodkan 40,164 kes, berbanding 45,432 kes pada tahun 2016. Jumlah kes denggi bagi tahun 2017 menunjukkan pengurangan sebanyak 11.6% iaitu pengurangan sebanyak 5,268 kes berbanding tahun 2016.

Kumulatif kes kematian pula mencatatkan sebanyak 59 kes sehingga 21 Oktober 2017 berbanding 68 kes kematian pada tahun 2016, iaitu pengurangan sebanyak 13%. Jadual di bawah menunjukkan perbandingan kes denggi dan kematian bagi tahun 2016 dan 2017 mengikut daerah :

DAERAH	KUMULATIF KES		KUMULATIF KEMATIAN	
	2017	2016	2017	2016
Petaling	12,166	18,776	13	24
Hulu Langat	12,249	10,311	28	22
Klang	6,780	6,590	5	10
Gombak	4,898	5,073	7	5
Sepang	1,656	1,692	1	1
Kuala Langat	1,123	1,257	1	1

DAERAH	KUMULATIF KES		KUMULATIF KEMATIAN	
	2017	2016	2017	2016
Hulu Selangor	662	966	3	3
Kuala Selangor	469	546	1	2
Sabak Bernam	161	221	0	0
<b>JUMLAH</b>	<b>40,164</b>	<b>45,432</b>	<b>59</b>	<b>68</b>

- b) Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Kesihatan Negeri Selangor telah membangkitkan isu Sistem Pengumpulan dan Penggunaan Semula Air Hujan (SPAH) yang telah menjadi tempat pembiakan denggi semasa Mesyuarat Tindakan Denggi Negeri yang turut dihadiri oleh wakil Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).

Pemeriksaan ke atas 6 kawasan perumahan yang telah diduduki dan belum diduduki di daerah Klang yang mempunyai SPAH telah mengenal pasti kerja-kerja pelaksanaan SPAH yang tidak sempurna dan tidak mematuhi kriteria yang telah ditetapkan serta kekurangan pemantauan semasa pelaksanaan projek yang akhirnya menyebabkan sistem tersebut menjadi sebahagian punca pembiakan nyamuk aedes.

Mesyuarat Tindakan Denggi Negeri juga telah meminta agar KPKT meneliti dan memantau semula pelaksanaan dan penguatkuasaan ke atas semua projek-projek yang melibatkan SPAH terutama di negeri Selangor serta memastikan spesifikasi kerja di dalam SPAH dipatuhi.

Bagi mengelakkan kes denggi daripada meningkat, Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Jabatan Kesihatan Negeri Selangor (JKNS) sentiasa memantau pemaju-pemaju yang terlibat di dalam pembinaan terutama yang melibatkan SPAH agar mematuhi Garis Panduan yang telah dikeluarkan oleh pihak KPKT. Sekiranya terdapat pemaju yang didapati mempunyai tempat pembiakan, tindakan penguatkuasaan akan diambil sama ada tindakan penutupan atau tindakan mahkamah tertakluk kepada arahan yang berkuatkuasa dari masa ke semasa.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ  
(N20 LEMBAH JAYA)**

**TAJUK : USAHAWAN AGRO GENERASI MUDA SELANGOR (AGROGEMS)**

149. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah syarat-syarat melayakkan seseorang peserta menerima bantuan Agrogems tersebut?
- b) Adakah kesemua penerima bantuan telah menerima bantuan tersebut?

**JAWAPAN:**

- a) Program Agro Generasi Muda Selangor atau lebih dikenali sebagai AGROGEMS adalah merupakan satu program yang mula dilaksanakan pada tahun 2015. Tujuan utama program tersebut dilaksanakan adalah untuk memberikan galakan dan kesedaran kepada golongan generasi muda yang berumur di antara 18 hingga 40 tahun bagi menceburkan diri di dalam sektor pertanian dan seterusnya menjadikan ianya sebagai sumber utama pendapatan atau ekonomi kepada golongan tersebut. Selain dari itu, ianya juga dapat mengurangkan kebergantungan kepada sektor pekerjaan yang semakin menguncup. Terdapat dua sasaran utama yang telah digariskan sebagai panduan pelaksanaan program iaitu golongan yang telah memulakan projek pertanian dan golongan yang berminat tetapi belum memulakan projek pertanian mereka disebabkan oleh faktor kekurangan pengalaman dan ilmu pengetahuan serta tanah dan modal.

Bagi melayakkan seseorang peserta AGROGEMS itu untuk menerima bantuan yang disediakan oleh Kerajaan Negeri, syarat utama yang ditetapkan adalah peserta telah pun memulakan projek pertanian sekurang-kurangnya setahun di atas tanah yang jelas statusnya. Jenis bantuan yang disediakan adalah berbentuk peralatan dan input-input pertanian serta baka dan bahan binaan. Setiap kelulusan bantuan yang akan diluluskan tidak melebihi dari nilai RM30,000.00 untuk seorang pengusaha.

- b) Bagi permohonan tahun 2015 dan 2016, kesemua permohonan yang layak dan telah memenuhi syarat asas serta melepassi kelulusan lawat siasat oleh jabatan iaitu Jabatan Pertanian Selangor, Jabatan Perkhidmatan Veterinar Selangor dan Jabatan Perikanan Selangor, telah pun menerima bantuan mereka. Penerima bantuan untuk tahun 2015 adalah seramai 21 peserta dengan jumlah kelulusan berjumlah RM279,975.00 manakala bagi tahun 2016 pula seramai 44 peserta dengan jumlah sebanyak RM668,123.00. Jumlah keseluruhan

peruntukan untuk bantuan yang telah dibelanjakan bagi tahun 2015 dan 2016 adalah sebanyak RM948,048.00 merangkumi seramai 65 peserta.

Melalui pemantauan yang telah dilaksanakan oleh jabatan-jabatan yang berkaitan sehingga Julai 2017 menunjukkan bahawa pelaburan oleh Kerajaan Negeri di dalam bentuk bantuan kepada peserta yang berjaya adalah amat positif di mana kenaikan dari segi jumlah jualan tahunan melonjak sebanyak 63% berbanding sebelum menerima bantuan. Berdasarkan hasil yang positif melalui dapatan yang diperolehi, Kerajaan Negeri akan terus memberikan penekanan dan galakan serta mempertingkatkan lagi promosi program agar kesemua golongan generasi muda di Negeri Selangor yang terlibat di sektor pertanian dapat turut sama menyertainya pada masa akan datang.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI  
(N40 KOTA ANGGERIK)**

**TAJUK : MASALAH ANJING LIAR DAN KEMUNGKINAN PENYAKIT ANJING GILA**

150. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah langkah-langkah diambil untuk mengawal anjing liar?
- b) Berapa banyak tangkapan telah dibuat mengikut PBT?
- c) Adakah wujud penyebaran penyakit anjing gila di Negeri Selangor?

**JAWAPAN:**

- a) Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, langkah-langkah yang diambil untuk mengawal anjing liar adalah seperti berikut :
  - i) Operasi bersepadu penangkapan anjing liar secara berterusan berdasarkan aduan dan pemantauan;
  - ii) Kempen pelesenan anjing;
  - iii) Melantik kontraktor berkelayakan untuk menangkap anjing liar;
  - iv) Menubuhkan "Team Risikan" bagi mengenal pasti kawasan "Hotspot" dan memudahkan kerja-kerja penangkapan anjing dilakukan;
  - v) Mengedarkan risalah tentang cara pemeliharaan anjing dan masalah anjing terbiar kepada orang awam;
  - vi) Mewujudkan program anjing angkat bagi orang awam yang ingin membela anjing yang telah ditangkap;
  - vii) Kempen kebaikan mengkasi anjing peliharaan dan lain-lain.
- b) Jumlah keseluruhan tangkapan PBT-PBT Negeri Selangor ialah berjumlah 19,498 ekor. Perincian jumlah tangkapan mengikut PBT-PBT seperti berikut:

<b>PBT</b>	<b>JUMLAH TANGKAPAN TAHUN 2017</b>
MBSA	1,538 ekor
MBPJ	533 ekor

MPK	9,310 ekor
MPAJ	883 ekor
MPSJ	1,363 ekor
MPS	1,712 ekor
MPKj	2,030 ekor
MPSp	753 ekor
MDKL	360 ekor
MDHS	430 ekor
MDKS	440 ekor
MDSB	146 ekor
<b>JUMLAH</b>	<b>19,498 ekor</b>

Nota: Sumber Pihak Berkuasa Tempatan

- c) Pada tahun 2015 Kerajaan Negeri telah mengambil inisiatif dengan menyalurkan peruntukan sebanyak RM32,000.00 kepada Institut Penyelidikan Veterinar, Ipoh (VRI) bagi menjalankan surveyan penyakit rabies ke atas anjing-anjing liar di semua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor.

Sehingga kini, Kerajaan Negeri tiada sebarang notifikasi daripada Jabatan Veterinar Negeri Selangor berkaitan penyebaran penyakit anjing gila di Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN LOH CHEE HENG  
(N52 TELOK DATOK)**

**TAJUK : KES KEJADIAN PENYAKIT KRONIK DI NEGERI SELANGOR**

151. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri untuk mencegah kes *Rabies, Tuberculosis, Leptospirosis* dan *Leprosy* di setiap PBT?
- b) Sila menyatakan jumlah kes-kes tersebut untuk tahun 2016 sehingga bulan Oktober 2017 (ikut susunan Bulan).
- c) Berapakah jumlah kes kematian telah direkodkan?

**JAWAPAN:**

- a) Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melalui Jabatan Kesihatan Negeri Selangor (JKNS) memaklumkan bahawa sehingga kini tiada kes rabies yang dilaporkan berlaku di negeri Selangor. Menurut Kementerian Kesihatan, Negeri Selangor diklasifikasikan sebagai bukan negeri berwabak (untuk kes rabies) dan juga termasuk dalam senarai negeri bukan penampang (“immune belt”) atau yang berisiko seperti yang ditetapkan oleh pihak Kementerian Kesihatan Malaysia.

Walau bagaimanapun, pemantauan berterusan tetap dijalankan bagi memantau setiap kes gigitan anjing atau haiwan liar di Selangor, dan hasil pemantauan turut dikongsikan bersama pihak Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Selangor sebagai salah satu usaha mencegah kejadian kes Rabies di Selangor.

Bagi kes Leptospirosis, sehingga kini dicatatkan 574 kes leptospirosis dilaporkan di negeri Selangor berbanding 831 kes pada tahun 2016. Pada tahun ini, pihak Jabatan Kesihatan Negeri Selangor telah menjalankan beberapa siri mesyuarat teknikal bersama agensi luar termasuk Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Jabatan Perhilitan, dan Pihak Berkuasa Tempatan bagi membincangkan isu dan langkah kawalan penyakit bawaan haiwan seperti rabies dan leptospirosis. Sehingga kini, sebanyak 3 mesyuarat bersama agensi luar telah dijalankan iaitu pada bulan Februari, Ogos dan Oktober 2017.

Selain itu, hasil pemantauan siasatan mendapati salah satu faktor risiko jangkitan leptospirosis adalah melalui aktiviti air di pusat rekreasi semulajadi. Antara tindakan yang dijalankan oleh pihak JKN Selangor adalah termasuk:

1. Meningkatkan kesedaran di kalangan pemilik pusat rekreasi melalui pemberian taklimat mengenai risiko leptospirosis dan keperluan menjaga kebersihan kawasan.
2. Mengadakan risk assessment setiap tahun di pusat rekreasi di Selangor, dan hasil risk assessment akan dibentangkan kepada stakeholder yang berkenaan untuk penambahbaikan.
3. Menyampaikan maklumat mengenai risiko leptospirosis kepada pengunjung melalui pemasangan signage di puast rekreasi kelolaan PBT.

Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Selangor (DVS Selangor) turut terlibat dalam mencegah, mengawal dan membasmi penyakit Rabies, Tuberkulosis dan Bruselosis memandangkan penyakit-penyakit ini merupakan sejenis penyakit zoonosis iaitu penyakit haiwan yang boleh menjangkiti manusia. Antara langkah-langkah yang telah diambil oleh DVS Selangor adalah seperti berikut:

**1) Survelan Penyakit**

- i. Ternakan dan haiwan disaring secara rawak sepanjang tahun di seluruh Selangor.
- ii. Sampel kepala anjing (otak) untuk Rabies diperolehi di kalangan anjing-anjing terbiar yang ditangkap oleh PBT. Sampel darah untuk Bruselosis dan Tuberkulosis daripada ternakan kerbau, lembu, kambing dan bebiru.
- iii. Sampel-sampel darah dihantar ke makmal untuk mengesahkan sama ada terdapatnya penyakit ini atau tidak.
- iv. Kawasan (untuk Rabies) atau ladang (untuk Bruselosis dan Tuberkulosis) yang mempunyai haiwan berpenyakit akan dikategorikan sebagai kawasan berwabak atau ladang positif penyakit.
- v. Sehingga kini, semua sampel untuk Rabies dari seluruh Selangor adalah negatif.
- vi. Semua ternakan yang telah disahkan berpenyakit dihapuskan.

**2) Kawalan Penyakit**

- i. Bagi ladang positif Bruselosis dan Tuberkulosis, sampel darah akan dibuat ke atas semua ternakan ladang berkenaan.
- ii. Ladang terlibat perlu menjalani proses ini sebanyak 3 kali berturut-turut dengan selang setiap 4 hingga 6 bulan.
- iii. Ladang terlibat dengan semua ternakannya yang mendapat keputusan negatif dalam tempoh ini, diisytiharkan sebagai ladang negatif penyakit Bruselosis atau Tuberkulosis.

- iv. Seterusnya, ladang terlibat yang ternakannya negatif bagi 2 kali ujian berturut-turut, diisyihar sebagai ladang bebas penyakit Bruselosis atau Tuberkulosis.

**3) Kawalan Pergerakan Haiwan**

- i. Semua ternakan (kerbau, lembu, kambing, bebiri dan unggas) yang hendak dipindahkan antara daerah dalam negeri Selangor dan/atau antara negeri dalam Semenanjung Malaysia, perlu mendapatkan Akuan Kebenaran Pemindahan Masuk/Keluar Ternakan (permit).
- ii. Sampel darah semua ternakan yang hendak dipindahkan perlu diuji dan disahkan bebas penyakit Bruselosis dan Tuberkulosis sebelum diluluskan permit.
- iii. Langkah ini untuk mencegah penyakit merebak.

- b) Jumlah kes bagi Leptospirosis bagi tahun 2016 adalah sebanyak 831 kes dan 574 kes sehingga bulan Oktober 2017. Perincian mengikut bulan adalah seperti berikut :

Bulan	Jumlah Kes Leptospirosis	
	2016	2017
Januari	63	51
Februari	54	60
Mac	101	61
April	69	55
Mei	41	55
Jun	68	83
Julai	103	55
Ogos	36	62
Sept	39	43
Oktober	41	49
November	103	
Disember	113	
<b>Jumlah</b>	<b>831</b>	<b>574</b>

- c) Jumlah kes kematian telah direkodkan bagi Leptospirosis adalah sebanyak enam (6) kematian iaitu tiga (3) pada 2016 dan tiga (3) lagi pada 2017.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN NG SZE HAN  
(N30 KINRARA)**

**TAJUK : PENGURUSAN AIR MENTAH**

152. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan syarikat yang diberikan permit untuk mengepamkan air mentah terus dari sungai-sungai di Selangor bagi kegunaan pengindustrian.
- b) Nyatakan kuantiti air yang telah dipamkan oleh syarikat-syarikat tersebut.
- c) Berapakah jumlah hasil yang dikutipkan oleh LUAS daripada caj permit mengikut setiap syarikat?

**JAWAPAN:**

- a) Berdasarkan rekod Lembaga, terdapat sebanyak 28 syarikat dengan jumlah 28 mukasauk yang berlesen dengan Lembaga di bawah sektor industri yang mengabstrak air permukaan( sungai, kolam, dan lain-lain). Sila rujuk jadual yang dilampirkan untuk lihat senarai syarikat.
- b) Jumlah abstraksi air permukaan keseluruhan dari tempoh Januari 2015 hingga 23 Oktober 2017 adalah sebanyak 44,554,959.590 m<sup>3</sup>. Sila rujuk jadual yang dilampirkan untuk lihat butiran terperinci.
- c) Anggaran hasil caj abstraksi air permukaan untuk tempoh Januari 2015 hingga 23 Oktober 2017 adalah sebanyak RM 2,227,747.98. Sila rujuk jadual yang dilampirkan untuk lihat butiran terperinci.

**Analisa Bagi Kelulusan Lesen**

**DATA ABSTRAKSI SUNGAI DI NEGERI SELANGOR**

Bil	SYARIKAT	JUMLAH ABSTRAKSI (M3)	KADAR CAJ (RM)
1	PUNATHAKA TRADING	-	-
2	THEEN SENG PAPER MANUFACTURING SDN BHD	455538.00	22,776.90
3	SRI CINMAL SDN BHD	8640.00	432.00
4	WRP ASIA PASIFIC SDN BHD	-	-
5	TOP GLOVE SDN BHD	-	-
6	L&W CONCRETE WORK SDN BHD	2970.00	148.50
7	PERUSAHAAN KONKRIT MERDEKA	4999.75	249.99
8	KUARI PATI SDN BHD	181200.00	9,060.00
9	BINA-PILE INDUSTRIES SDN BHD	-	-
11	MC BAUCHEMIE (M) SDN BHD	14976.00	748.80
12	HUP SOONG TRADING & CONSTRUCTION SDN BHD	-	-
13	ALLIANCE PRECAST IN DUSTRIES SDN BHD	21600.00	1,080.00
14	SERI ULU LANGAT [ALM OIL MILL SDN BHD	563898.00	28,194.90
15	PMI COTTON INDUSTRIES SDN BHD	7154.00	357.70
16	KAMPONG KUANTAN PALM OIL MILL BERHAD	40829.00	2,041.45
17	YIT HUNG HARDWARE SDN BHD	-	-
18	Y&Y MIX SDN BHD	-	-
19	VALENCIA TOWNSHIP SDN BHD	21225.00	1,061.25
20	WOLDWIDE HOLDINGS BERHAD	-	-
21	UNITED MATERIALS SDN BHD	39594.24	1,979.71
22	HARTALEGA SDN BHD	16738176.00	836,908.80
23	NGO CHEW HONG OILS & FATS (M) SDN BHD	10008.00	500.40
24	LION BLAST FURNACE SDN BHD	23178960.00	1,158,948.00
25	TL BUILDING MATERIALS SDN BHD	28800.00	1,440.00
26	PERUSAHAAN GETAH ASAS SDN BHD	-	-
27	PERNIAGAAN CHRISMATA SDN BHD	-	-
28	CENTRAL SUGARS REFINERY SDN BHD	3691929.60	184,596.48
<b>JUMLAH</b>		<b>45,010,497.59</b>	<b>2,250,524.88</b>

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN  
(N23 DUSUN TUA)**

**TAJUK : KEPERLUAN BAS SMART SELANGOR DI HULU LANGAT**

153. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan bercadang untuk mempertimbangkan keperluan BAS SMART SELANGOR melalui Jalan Bukit Ampang dari Ampang ke Pekan Hulu Langat memandangkan laluan tersebut sekarang ramai penggunanya dan menjadi laluan pintas ke Gombak dan ke Putrajaya?
- b) Jika ya, nyatakan perancangannya.

**JAWAPAN:**

a) dan b)

Melalui penelitian saya, dua soalan telah ditanyakan tentang perkara berkaitan laluan Bas Smart Selangor. Soalan-soalan tersebut datangnya dari:

No Soalan	Nama ADUN	Tajuk Soalan
114.	Seri Serdang	<b>KERAJAAN MENGADAKAN / MENYEDIAKAN PERKHIDMATAN BAS SELANGORKU DARI PUCHONG PERMAI KE HOSPITAL BESAR SERDANG</b>  a) Bolehkah kerajaan mengadakan/menyediakan perkhidmatan Bas Selangorku dari Puchong Permai ke Hospital Besar Serdang?

Izinkan saya untuk menjawab bersekali soalan-soalan yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat berhubung permohonan Bas Smart Selangor di laluan-laluan yang dipohon.

Tuan Speaker,

1. Sambutan terhadap perkhidmatan Bas Smart Selangor yang sangat memberangsangkan telah memberikan maklum balas yang positif kepada Kerajaan Negeri untuk sentiasa menyediakan perkhidmatan yang terbaik kepada masyarakat. Kerajaan Negeri juga akan memberi fokus kepada penambahbaikan perkhidmatan Bas Smart Selangor dan tambahan laluan-

laluan baru yang akan dilakukan berdasarkan kriteria-kriteria yang telah ditetapkan oleh Jawatankuasa Tetap Pengangkutan Negeri Selangor iaitu:

- (e) Menepati struktur *Bus Network Revamp* oleh SPAD iaitu tidak bertindih dengan laluan operator perkhidmatan bas sedia ada;
  - (f) Perlu mengutamakan laluan kawasan-kawasan tumpuan pembangunan, perumahan padat dan jalan yang tidak dilalui oleh perkhidmatan bas lain;
  - (g) Lokasi bagi laluan bas percuma ini adalah di kawasan tumpuan kemudahan awam seperti pusat kesihatan, pejabat kerajaan, sekolah, stesen komuter, stesen LRT dan sebagainya serta kawasan komersil dan kompleks perniagaan; dan
  - (h) Mempunyai *connectivity* dengan sistem pengangkutan yang lain seperti stesen komuter atau stesen LRT/MRT/BRT.
2. Bagi laluan yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Dusun Tua, Pihak Berkuasa Tempatan akan diminta bersama Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) untuk menjalankan kajian keperluan dan permintaan serta mengkaji kesesuaian laluan bagi operasi di kawasan ini demi keselamatan pengguna.
3. Manakala bagi laluan yang dimohon Yang Berhormat Seri Serdang, Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) perlu melihat kesesuaian laluan tersebut berdasarkan kriteria-kriteria yang ditetapkan dan seterusnya mengemukakan cadangan tersebut kepada Jawatankuasa Tetap Pengangkutan Negeri Selangor. Walau bagaimanapun, laluan ke Hospital Besar Serdang telah diambil kira di dalam laluan ke-4 Bas Smart Selangor MPSJ (SJ04A) iaitu laluan KTM Komuter Serdang sehingga ke Hospital Serdang.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN GAN PEI NEI  
(N14 RAWANG)**

**TAJUK : TRAFFIC COMMAND CENTRE (TCC)**

154. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri Selangor akan menubuhkan Pusat Kawalan Trafik (*Traffic Command Centre*) bagi mengawal kelancaran trafik dan mengurangkan kesesakan lalulintas di setiap kawasan PBT?
- b) Apakah halangan atau cabaran yang dihadapi untuk menubuhkan *Traffic Command Centre* (TCC) dalam setiap PBT?

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Negeri belum mempunyai perancangan bagi menubuhkan Pusat Kawalan Trafik (*Traffic Command Centre*) bagi mengawal kelancaran trafik dan mengurangkan kesesakan lalu lintas di setiap kawasan PBT. Walau bagaimanapun, pemantauan melalui kamera litar tertutup yang dilengkapi pembesar suara telah dimulakan di kawasan-kawasan pusat bandar bagi mengelakkan berlakunya halangan-halangan lalu lintas.
- b) Antara halangan yang dihadapi adalah:
  - 1) Kos penyediaan peralatan dan kos penyelenggaraan *software* serta *hardware* memerlukan kos perbelanjaan yang agak tinggi di mana ia melibatkan perolehan integrasi teknologi seperti jenis *controller* yang diguna pakai penggunaan *camera analytic* bagi menganalisa trend trafik, penggunaan sensor terkini yang diperlukan dan sokongan *internet* untuk penyaluran maklumat dari *controller traffic light* ke TCC.
  - 2) Kos operasi seperti latihan teknikal untuk kakitangan dalaman dan memerlukan penambahan kakitangan untuk kendalian TCC.
  - 3) Memerlukan perbincangan menyeluruh dan koordinasi sebelum pelaksanaan dengan pihak berkuasa berkaitan seperti PDRM, LLM, pihak Berkuasa Lebuhraya, JKR dan lain-lain di mana jaringan jalan raya PBT kebanyakannya berhubung dengan jaringan jalan raya yang lain.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ  
(N24 SEMENYIH)**

**TAJUK : INDUSTRI PEMBALAKAN DI SELANGOR**

155. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah pendapatan Kerajaan Negeri hasil dari pembalakan dari 2014-2017?
- b) Senaraikan lokasi pembalakan yang masih aktif di Selangor sehingga kini?

**JAWAPAN:**

- a) Tiada.
- b) Tiada kerana Kerajaan Negeri Selangor mengamalkan Dasar Moratorium ke atas pembalakan di Hutan Simpanan Kekal selama 25 tahun bermula tahun 2010.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN NG TIEN CHEE  
(N27 BALAKONG)**

**TAJUK : INISIATIF PEDULI RAKYAT**

156. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan perbelanjaan bagi setiap program ISF dari tahun ia dilaksanakan sehingga kini.
- b) Nyatakan badan/ agensi yang menampung setiap program ISF.

**JAWAPAN:**

a) dan b)

Kerajaan Negeri Selangor sebagai sebuah kerajaan peduli rakyat sentiasa berusaha mencari alternatif bagi memastikan keperluan dan kebajikan setiap peringkat umur rakyat di Negeri Selangor terbela. Program Inisiatif Peduli Rakyat (IPR) telah terbukti berjaya menarik perhatian dan penerimaan ramai rakyat Selangor sejak dilancarkan pada tahun 2008. Tahun demi tahun, peratusan penerima bantuan meningkat selaras dengan perkembangan setiap program yang diperkenalkan bagi membantu golongan yang kurang mampu di Negeri Selangor.

Jadual di bawah menunjukkan senarai Program IPR dan perbelanjaan serta agensi yang mengendali program berkenaan seperti berikut:-

**STATUS TERKINI INISIATIF PEDULI RAKYAT (IPR) SEHINGGA 31 JULAI 2017**

BIL.	PROGRAM	AGENSI	JUMLAH KESELURUHAN			CATATAN
			PENERIMA FAEDAH (ORANG)	PERBELANJAAN (RM)	PERUNTUKAN 2017 (RM)	
1	Smart Selangor Food Stamp	Seksyen Sektoral, UPEN	5,500 keluarga	3,945,200.00	3,656,800.00	DATA DIKEMASKINIKAN
2	Program Pendidikan Anak-anak Pekerja Ladang		14,897.00	7,805,946.00	1,000,000.00	Data bermula dari 2013 sehingga 31 Julai 2017
3	Bantuan Bina dan Baiki Rumah (Kerajaan Prihatin)		1,368.00	27,013,908.24	1,000,000.00	Data bermula dari 2008 sehingga 31 Julai 2017 tidak termasuk sumbangan anak syarikat
4	Program Pemberian Bantuan Baucer untuk Rakyat Miskin Bersempena Perayaan		437,100	36,701,500.00	8,500,000.00	
5	Program Bantuan Blueprint Pembasmian Kemiskinan		3,264	9,878,292.00	2,000,000.00	
6	Program Kemahiran Teknikal – INPENS International College		3,403	24,121,174.87	4,000,000.00	DATA DIKEMASKINIKAN
7	Dana Usahawan Mikro Selangor		289	4,262,430.92	1,800,000.00	DATA DIKEMASKINIKAN
8	Bas Smart Selangor		8,831,429	32,901,312.64	20,000,000.00	Jumlah Ridership sehingga 30 Jun 2017
9	Bekalan Air Percuma 20 Meter Padu Pertama	Seksyen Makro dan Penswastaan, UPEN	Seluruh Rakyat Selangor	1,354,206,738.00	170,000,000.00	Perbelanjaan sehingga 30 Jun 2017
10	Latihan Usahawan IT (SITEC)		SITEC (Invest Selangor Berhad)	4,640	901,723.00	450,000.00
11	Program Mentor Kraf		130	114,997.00	20,000.00	DATA DIKEMASKINIKAN
12	Skim Peduli Sihat		224,912	2,189,337.50	125,000,000.00	
13	Panel Dialisis Sihat Selangor		1,964	4,958,262.00	5,000,000.00	DATA DIKEMASKINIKAN
14	Bantuan Sihat Selangor		1,376	2,843,858.00	500,000.00	DATA DIKEMASKINIKAN
15	Saringan Sihat Selangor (3S)		6,600	446,050.00	309,100.00	DATA DIKEMASKINIKAN
16	Pengecualian Cukai Pintu dan Fi Lesen		790,443 unit	113,703,541.92	Tidak berkenaan	Tahun 2016 Bilangan Pegangan 381,925 unit Tahun 2017 Bilangan Pegangan 408,518 unit Total : 790,443 unit
17	Hadiah Pengajian IPT	Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, SUK	162,010 lesen	19,348,956.40	Tidak berkenaan	Tahun 2016 Bilangan Pemilik 70,304 lesen Tahun 2017 Bilangan Pemilik 91,706 lesen
18	Bantuan Sara Diri Anak Selangor		61,474	61,474,000.00	79,600,010.00	DATA DIKEMASKINIKAN
19	Program Khas Peduli Siswa		1,081	1,791,200.00	4,500,000.00	
20	Program Khas Biasiswa Selangorku		424	3,350,000.00	10,000,000.00	
21	Biasiswa Khas Sagong Tasi		289	2,400,000.00	5,000,000.00	
22	Program Khas Selangor Brain Bank		1	(termasuk dalam perbelanjaan Biasiswa Selangorku)		
23	Pinjaman Pelajaran Negeri Selangor (Tabung Kumpulan Wang Biasiswa)		3 calon dalam pertimbangan Lembaga TKWBSN	Tidak berkenaan	3,000,000.00	
24	Program Tuisyen Rakyat Selangor		625	11,900,000.00	16,300,000.00	Data hanya daripada Jan 2017 (program telah dilaksanakan bermula 1984)
25	Program Bantuan Sekolah Negeri Selangor		38,837	25,194,917.00	3,600,000.00	
26	Tuisyen Online		3,887 Buah Sekolah	109,371,118.00	22,000,000.00	DATA DIKEMASKINIKAN
			1,054	2,680,000.00	5,000,000.00	

BIL.	PROGRAM	AGENSI	JUMLAH KESELURUHAN			CATATAN
			PENERIMA FAEDAH (ORANG)	PERBELANJAAN (RM)	PERUNTUKAN 2017 (RM)	
27	Tabung Warisan Anak Selangor (TAWAS)	Yayasan Warisan Anak Selangor (YAWAS)	277,385	25,617,300.00	5,000,000.00	
28	Skim Bantuan Asuhan Rakyat (SiKEMBAR)		3,067	2,723,940.00	800,000.00	
29	Skim Mesra Usia Emas (SMUE)		85,875	211,708,500.00	27,000,000.00	
30	Skim Kesihatan Wanita (MammoSEL)		35,705	4,351,190.65	1,000,000.00	
31	Skim Bantuan Tadika Selangor (TUNAS)		45,183	17,770,167.00	5,000,000.00	
32	Insentif Perkahwinan Belia		41,828	19,128,400.00	5,000,000.00	
33	Skim Hijrah Selangor	HIJRAH Selangor	38,914	240,385,500.00	50,000,000.00	peruntukan 2017 dalam bentuk pinjaman; DATA DIKEMASKINIKAN
34	Wifi Smart Selangor	Menteri Besar Incorporated (MBI)	759,896	18,083,047.50	6,000,000.00	
35	Bantuan Kebajikan Masyarakat (Bantuan Am)	JKMNS	69,178	138,065,540.00	16,639,915.00	data sehingga Jun 2017
36	Skim Smart Sewa	Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS)	37	2,272,000.00	100,000,000.00	
37	Skim DanaSel		58	4,956,000.00	10,000,000.00	peruntukan one-off pada tahun 2015; DATA DIKEMASKINIKAN
38	Skim Rumah Selangorku		19,500	Dibina oleh pemaju swasta/GLC	Tidak berkenaan	DATA DIKEMASKINIKAN
39	Skim Ceria (Mengelat Rumah, baiki lif)		254	84,000,000.00	25,000,000.00	
40	PROGRESS	Seksyen Agihan dan Pembangunan, UPEN	300	5,000,000.00	3,037,960.00	
41	Nusantara Audiobook	Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS)	Seluruh Rakyat Selangor	482,935.00	1,103,300.00	
42	Perpustakaan Bergerak Smart Selangor		Pengunjung : 7,540 Pendaftaran keahlian : 1,634 Pinjaman bahan : 11,597	1,750,000.00	1,750,000.00	
<b>JUMLAH KESELURUHAN PERBELANJAAN DAN PERUNTUKAN (RM)</b>				<b>2,639,798,983.64</b>	<b>749,567,085.00</b>	

**CATATAN:**

1. Jumlah Penerima Faedah Program Bekalan Air Percuma Bagi 20 Meter Padu ( $M^3$ ) Pertama adalah merupakan bilangan pengguna meter individu dan ia juga termasuk pengguna yang diberikan kemudahan kupon percuma

2. Maklumat-maklumat tersebut diperolehi daripada agensi pengendali IPR seperti yang disenaraikan.

3. Biasiswa Khas Sagong Tasi : Termasuk dalam Biasiswa Selangorku

4. Bayaran RM1,000.00 Premium Tanah di bawah Pejabat Tanah Daerah

(Data IPR diperolehi Seksyen Makro Dan Penswastaan UPEN sehingga 31 Julai 2017)

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN DR ABDUL RANI BIN OSMAN  
(N42 MERU)**

**TAJUK : SEKOLAH AGAMA**

157. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah Maahad Tahfiz Sains yang telah dibina sejak dari 2013?
- b) Berapakah peruntukan yang telah dibelanjakan?
- c) Apakah kerajaan mempunyai perancangan untuk membina MITS di setiap daerah di Selangor?

**JAWAPAN:**

- a) 2 Maahad Tahfiz Sains telah dibina sejak tahun 2013 iaitu:
  1. Maahad Integrasi Tahfiz Sains Bagan Terap, Sabak Bernam
  2. Maahad Integrasi Tahfiz Sains Bagan Lalang, Sepang
- b) Kerajaan telah memperuntukkan RM2,709,840.00 bagi tempoh 2 tahun, meliputi;
  1. pelantikan guru dan bukan guru,
  2. bekalan kawalan makanan asrama,
  3. kawalan keselamatan, dan
  4. kontrak pembersihan kawasan.
- c) Ya. Kerajaan Negeri mempunyai rancangan untuk membina sebuah MITS di setiap daerah.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATUK SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL  
(N25 KAJANG)**

**TAJUK : MEMBANTU NAIK TARAF KEHIDUPAN NELAYAN**

158. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah langkah-langkah yang diambil kerajaan negeri untuk membantu para nelayan?
- b) Apakah usaha-usaha untuk memperbanyakkan pengeluaran hasil perikanan untuk memenuhi keperluan pengguna?
- c) Apakah usaha yang diambil bagi membantu menstabilkan harga hasil perikanan supaya rakyat tidak tertekan dengan kenaikan harga yang tinggi?

**JAWAPAN:**

- a) Nelayan adalah merupakan pembekal sumber protein kepada kehidupan seluruh rakyat di Negeri Selangor khususnya. Bagi memastikan bekalan ikan sentiasa berada pada tahap yang baik, Kerajaan Negeri telah menyediakan beberapa bentuk bantuan khusus kepada golongan tersebut. Bentuk bantuan yang diberikan adalah peralatan untuk menangkap ikan seperti jaring, peralatan navigasi di laut atau *Global Positioning System (GPS)*, jaket keselamatan, tong ikan serta bantuan sampan dan enjin bot. Walau bagaimanapun, bantuan berbentuk sampan dan enjin bot tidak lagi diberikan bermula pada tahun 2016. Ini sebabkan oleh kos per unit yang tinggi di mana hanya sebilangan kecil nelayan sahaja yang memperoleh bantuan dalam setahun berbanding dengan dasar baharu yang sedang dilaksanakan. Sebagai contoh, pada tahun 2016 seramai 620 nelayan telah mendapat manfaat dari perubahan dasar tersebut berbanding hanya 144 orang nelayan sahaja pada tahun 2015.

Jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan untuk tujuan tersebut adalah seperti berikut :-

<b>BIL.</b>	<b>TAHUN</b>	<b>PERUNTUKAN (RM)</b>	<b>JUMLAH PENERIMA</b>
1.	2015	781,000	144
2.	2016	844,690	620
3.	2017	500,000	333
	JUMLAH	2,125,690	1,097

- b) Hasil tangkapan ikan yang diperolehi melalui tangkapan laut oleh nelayan semakin menurun atas faktor sumber ikan yang semakin berkurangan dan juga faktor cuaca. Status semasa menunjukkan bahawa jumlah tangkapan laut semakin berkurangan sejak tahun 2010 iaitu jumlah pendaratan ikan laut di Negeri Selangor pada tahun tersebut adalah sebanyak 144,400 metrik tan manakala pada tahun 2016 pula menurun kepada hanya 93,505 metrik tan. Berdasarkan kepada faktor tersebut, kaedah penternakan ikan (akuakultur) secara komersial telah diberikan penekanan dan galakan oleh Kerajaan Negeri melalui program-program yang disediakan oleh Jabatan Perikanan Selangor. Antara kaedah penternakan ikan yang dilaksanakan adalah seperti penternakan ikan dalam sangkar, kolam simen, kolam tanah, tangki dan kepungan. Ini termasuk juga pembukaan kawasan-kawasan baharu melalui Program Taman Kekal Pertanian Makanan (TKPM) di mana segala usaha tersebut telah berjaya menghasilkan sejumlah 6,404 metrik tan ikan yang melibatkan kawasan seluas 631 hektar.
- c) Bagi pengawalan kestabilan harga ikan, ianya adalah merupakan tanggungjawab Kerajaan Pusat dan dilaksanakan oleh Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM). Terdapat beberapa langkah yang telah dan sedang dilaksanakan bagi membantu untuk memastikan kestabilan harga ikan dapat di kawal dari menjadi terlalu tinggi. Antara langkah-langkah yang telah diambil adalah seperti tidak membenarkan lagi aktiviti mengeksport ikan-ikan yang digelar sebagai ikan rakyat seperti ikan kembung, selar dan cencaru selain dari menggalakkan penjualan ikan secara terus oleh nelayan kepada pembeli melalui pasar-pasar nelayan yang diwujudkan serta menggalakkan dan mempromosikan ikan air tawar.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR  
(N05 HULU BERNAM)**

**TAJUK : STATISTIK JENAYAH SELANGOR**

159. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri bagi memastikan pertumbuhan pusat judi dan hiburan dicantas segera sebelum menjadi sarang penjenayah?
- b) Apakah terdapat sebarang gerakan atau skuad di Peringkat Negeri untuk memastikan ka`dar jenayah di Selangor terkawal?
- c) *Sub-soalan telah di tolak*

**JAWAPAN:**

- a) Secara keseluruhannya, tugas-tugas membanteras kegiatan jenayah adalah di bawah bidang kuasa Polis Diraja Malaysia (PDRM). Bidang kuasa Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) adalah terhad kepada perkara-perkara berkaitan hal ehwal tempatan seperti pelesenan dan kutipan cukai taksiran dan hasil bukan cukai. Dalam hal perlesenan, pihak PBT akan merujuk dan mendapatkan ulasan daripada pihak PDRM jika permohonan tersebut untuk lesen-lesen seperti pusat judi. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri sentiasa menyokong usaha PDRM dalam membanteras Jenayah dengan mengarahkan supaya semua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor untuk bekerjasama dan melaksanakan tindakan pantas melalui pemantauan dan operasi penguatkuasaan bersepada dan serta merta bersama agensi penguatkuasaan berkaitan terhadap pusat hiburan keluarga / premis perniagaan yang menyalahgunakan lesen. Selain itu, Kerajaan Negeri telah mengarahkan supaya PBT mengambil tindakan tegas dengan menutup premis yang didapati bersalah menjalankan aktiviti pusat perjudian yang berselindung di sebalik pusat hiburan keluarga atau apa-apa premis. Selain itu, pihak PBT juga sentiasa dari semasa ke semasa mengambil inisiatif untuk:-

- (1) tidak mengeluarkan lesen baru untuk premis pusat judi (ejen nombor ramalan) dan premis hiburan (mesin slot) oleh pihak MBSA. Walau bagaimanapun, lesen premis sedia ada dikekalkan dan dibenarkan untuk pembaharuan lesen setiap tahun di dalam mesyuarat jawatankuasa Majlis dan mempunyai permit dari PDRM sebelum lesen premis dikeluarkan;

- (2) membuat rondaan harian oleh Anggota Penguat kuasa dan sentiasa menyalurkan maklumat kepada pihak PDRM sekiranya berlaku sebarang jenayah;
  - (3) PBT juga bersama-sama pihak PDRM memantau kawasan-kawasan “hot spot” melalui CCTV yang diberikan oleh pihak Kerajaan Negeri Selangor;
  - (4) sentiasa memastikan setiap permohonan lesen tidak mempunyai unsur-unsur judi dan perkara yang tidak bermoral sebelum kelulusan lesen diberi. Pemantauan yang kerap dan tindakan pembatalan akan dilaksanakan jika pemohon/pengusaha melanggar syarat-syarat dan peraturan yang telah ditetapkan oleh pihak Jabatan; dan
  - (5) melaksanakan penutupan premis oleh pihak penguat kuasa ke atas mana-mana premis yang telah berlesen tetapi melanggar syarat lesen, pembaharuan lesen tidak dikeluarkan.
- b) Kerajaan Negeri tidak menubuhkan sebarang gerakan atau skuad sebaliknya mengambil pendekatan untuk penguatkuasaan melalui PBT bagi kesalahan-kesalahan di bawah bidang kuasa PBT.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN TIEW WAY KENG  
(N22 TERATAI)**

**TAJUK : RIZAB KEWANGAN KERAJAAN NEGERI SELANGOR**

160. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah rizab Kerajaan Selangor setakat September 2017?
- b) Apakah perancangan Kerajaan Selangor dalam pengurusan Rizab Kewangan Kerajaan Selangor?

**JAWAPAN:**

- a) Rizab negeri terdiri dari wang tunai dan pelaburan yang dipegang bagi ketiga-tiga Kumpulan Wang Disatukan iaitu Akaun Hasil Disatukan, Akaun Amanah Disatukan dan Akaun Pinjaman Disatukan. Secara keseluruhannya, baki Kumpulan Wang Disatukan pada 30 September 2017 berjumlah RM3,374.98 juta.
- b) **DASAR KERAJAAN NEGERI**

Adalah menjadi matlamat Kerajaan Negeri Selangor untuk menguruskan rizab Kerajaan Negeri dengan cekap dan teratur agar segala dasar, program, projek dan aktiviti yang dirancang bagi pembangunan Negeri Selangor dan kebajikan rakyat Negeri Selangor dapat dilaksanakan dengan berkesan. Dalam hal pengurusan rizab, Kerajaan Negeri berpandangan bahawa ia mestilah dibelanjakan kepada program atau projek yang akan membawa manfaat jangka panjang kepada pembangunan sosioekonomi negeri. Jumlah peruntukan yang akan disediakan pada setiap tahun adalah berdasarkan keutamaan dan keperluan yang akan ditentukan serta keupayaan kewangan semasa Kerajaan Negeri.

**PELABURAN RIZAB NEGERI / KUMPULAN WANG DISATUKAN NEGERI**

Rizab tunai negeri dilabur dan disimpan dalam instrumen kewangan yang Patuh Syariah (Syariah Compliance) manakala pulangan untuk pasaran wang jangka pendek yang ditawarkan oleh bank-bank perdagangan dan syarikat kewangan adalah mengikut tempoh dan jenis pelaburan. Jumlah keuntungan/faedah yang dijana daripada akaun semasa, simpanan tetap dan deposit pasaran wang jangka pendek (STMMD) dari Januari hingga 30 September 2017 adalah sebanyak RM61.27 juta.

Peningkatan rizab Kerajaan Negeri Selangor ini menunjukkan keupayaan pihak pengurusan menguruskan kewangan Kerajaan Negeri dengan cekap dan teratur di samping mematuhi segala peraturan kewangan yang berkuat kuasa. Ianya juga menunjukkan usaha yang berterusan bagi meningkatkan kutipan hasil Kerajaan Negeri Selangor di samping pengurusan perbelanjaan wang awam yang menekankan prinsip ketelusan, keupayaan dan kebertanggungjawaban dalam semua urusan bagi memastikan nilai serta kualiti bagi perbelanjaan yang dikeluarkan dalam semua urusan adalah yang terbaik (*value for money*).

### **PERBELANJAAN RIZAB NEGERI / KUMPULAN WANG DISATUKAN NEGERI**

Perbendaharaan Negeri Selangor telah memperkemaskan dan membuat penambahbaikan terhadap perbelanjaan berhemat dan langkah-langkah tambahan yang perlu diambil ke arah pengurusan perbelanjaan wang awam yang sempurna telah mengeluarkan:-

- 1) Pekeliling Perbendaharaan Negeri Selangor Bilangan 7 Tahun 2013 : Garis Panduan Perbelanjaan Berhemat yang berkuat kuasa pada 1 Januari 2014 bertujuan untuk memaklumkan garis panduan perbelanjaan berhemat bagi mengawal perbelanjaan Kerajaan Negeri;
- 2) Pekeliling Perbendaharaan Negeri Selangor Bilangan 5 Tahun 2017 : Garis Panduan Perbelanjaan Secara Berhemat Bagi Mengurangkan Perbelanjaan Awam yang berkuat kuasa pada 16 Ogos 2017 bertujuan memaklumkan berkenaan langkah penjimatan dalam perbelanjaan sektor awam;
- 3) Surat Arahan Perbendaharaan – Langkah Penjimatan Dalam Perolehan Kerajaan yang berkuat kuasa pada 1 April 2014 bagi memaklumkan mengenai perubahan had nilai dan syarat-syarat pembelian terus bagi bekalan/perkhidmatan dan had nilai kerja *requisition* selaras dengan langkah penjimatan Kerajaan; dan
- 4) Pekeliling Perbendaharaan Negeri Selangor Bil 7 Tahun 2014 - Dasar Penilaian Perolehan Secara Sistem *Cut-Off* yang berkuat kuasa pada 1 Januari 2015 bagi memaklumkan mengenai pindaan dasar perolehan Kerajaan Negeri Selangor daripada sistem harga terendah setelah melepassi penilaian teknikal kepada Sistem *Cut-Off* iaitu satu tanda aras harga sebut harga dan tender yang diperoleh melalui formula statistik bagi mendapatkan harga yang munasabah; dan

- 5) Surat Pekeliling Perbendaharaan Negeri Selangor Bilangan 1 Tahun 2015 yang memberi penjelasan terhadap isu berbangkit berkenaan pelaksanaan Dasar Penilaian Perolehan Secara Sistem *Cut-Off*.